

# **STRATEGI PELAKSANAAN**

## **PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT**

### **PEMBELAJARAN**

**NAMA PUSAT** : OUTDOOR LEARNING CENTER  
**FUNGSI** : AKTIVITI LUAR  
**TAJUK** : TENG-TENG KE BULAN (PENGANGKUTAN)

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CATATAN</b>	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	FK 2.2	Melakukan pelbagai pergerakan lokomotor
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	FK 2.2.2	Melakukan gabungan pergerakan lokomotor
		FK 2.2.3	Melakukan pergerakan lokomotor dalam pelbagai arah, aras, laluan dan kelajuan.
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Menggunakan deria penglihatan dan sentuhan semasa menjalankan aktiviti.
		<b>T</b>	Tapak teng-teng
		<b>R</b>	Bersyukur nikmat kurniaan kesihatan dan tubuh badan yang baik dan sempurna yang Allah SWT berikan.
		<b>E</b>	Mengenal reka bentuk tapak teng teng yang berkonseptan ruang angkasa.
		<b>A</b>	Membuat pergerakan mengikut kreativiti
		<b>M</b>	Meningkatkan kemahiran berfikir dengan membuat kiraan dan dalam menyelesaikan masalah
4	<b>OBJEKTIF</b>	Pada akhir pembelajaran, kanak-kanak dapat: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Melakukan pergerakan lokomotor seperti melompat dalam pelbagai arah, aras, laluan dan kelajuan.</li> </ul>	
5	<b>BBM</b>	Pundi kacang	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Mewujudkan kerjasama di antara kanak-kanak.	

7

**STRATEGI PELAKSANAAN**

1. Kanak-kanak membentuk bulatan di luar kelas
2. Kanak-kanak melakukan senaman ringan dengan iringan muzik lagu “*Lets count 1-10*”.
3. Kanak-kanak melihat tapak permainan teng-teng dan berosaljawab bersama tentang perkara berikut. Contoh:
  - a) Ini apa?
  - b) Apakah kegunaan roket ini?
  - c) Bagaimanakah roket ini bergerak?
  - d) Sebutkan nombor yang ada dalam petak roket ini.
4. Kanak-kanak mendengar penerangan tentang tujuan permainan dijalankan iaitu merangsang pergerakan lokomotor kanak-kanak seperti melompat dan mengimbangi badan.
5. Kanak-kanak melihat cara bermain teng-teng daripada guru.
6. Beberapa orang kanak-kanak mencuba bermain teng-teng tersebut terlebih dahulu.
7. Kanak-kanak dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
8. Kanak-kanak diminta untuk memakai pakaian angkasawan sebelum permainan dijalankan.
9. Kanak-kanak diminta bermain bergilir-gilir dan dengan berhati-hati serta tidak berebut.

*(Guru boleh membimbing kanak-kanak untuk permainan ini)*

**Nota:**

*\* Guru perlu memastikan keselamatan kanak-kanak dijaga semasa permainan dijalankan. Kanak-kanak perlu berada tidak jauh dari tapak permainan teng-teng diadakan.*